

Ada pelajar universiti dipengaruhi militan: PM

30 JUN 2001
Oleh Mutazar Abd Ghani dan Ridzuan Yop

BUTTERWORTH, Jumaat – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ada kecenderungan di kalangan pelajar universiti awam negara ini untuk membabitkan diri dalam kegiatan bercorak militan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata kerajaan mungkin mengkaji semula penempatan pelajar di universiti bagi mengelakkan arah aliran itu terus menular, termasuk memberi tempat kepada mereka yang benar-benar berminat untuk belajar.

“Kita lihat ada mirip ke arah itu (militan)... Seolah-olah mereka (pelajar) pergi ke universiti bukan untuk belajar tetapi untuk ambil bahagian dalam kegiatan yang tidak ada kaitan sama sekali dengan pelajaran.

Kalau kita dapati (perkara) ini satu kebenaran, maka kita perlu kaji semula berhubung penempatan penuntut di universiti,” ka-

“Kita lihat ada mirip ke arah itu (militan)... Seolah-olah mereka (pelajar) pergi ke universiti bukan untuk belajar tetapi untuk ambil bahagian dalam kegiatan yang tidak ada kaitan sama sekali dengan pelajaran.”

– Datuk Seri Dr Mahathir.

tanya pada sidang media selepas mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Pulau Pinang di Politeknik Seberang Prai, dekat sini, petang ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kemungkinan ada pihak tertentu cuba mempengaruhi pelajar universiti untuk bergerak secara militan. Ini berdasarkan beberapa perkembangan semasa yang menyaksikan pelajar bertindak secara agresif, termasuk menyertai demonstrasi jalanan.

Persoalan itu juga ada kaitan dengan kejadian yang berlaku di Univeriti

Malaya (UM), termasuk kebakaran Dewan Canselor, awal pagi ini. Sebelum ini, UM juga digemparkan oleh penerbitan Majalah Varsiti 2001 yang memuatkan pelbagai rencana mengancam kerajaan.

Dr Mahathir berkata, pelajar harus ingat bahawa kemasukan mereka ke universiti adalah untuk belajar.

Katanya, kerajaan membelanjakan sumber kewangan 10 kali ganda daripada yang dibayar oleh pelajar, manakala kebanyakan penuntut Melayu pula menerima biasiswa.

“Kalau mereka (pelajar)

tidak punya minat untuk belajar, tak guna kita simpan (hantar) mereka di universiti, kita beri tempat pada orang lain,” katanya.

Ditanya sama ada pelbagai kejadian yang tertumpu di UM kebelakangan ini, seolah-olah dirancang pihak tertentu, beliau berkata:

“Kita tak mahu buat tuduhan liar, kita kena kaji perkara ini kerana kita tidak mahu salahkan orang secara rambang, seseorang yang mungkin tidak bersalah.

“Kita akan teliti untuk menentukan siapa yang

bertanggungjawab terhadap perkara yang tidak diinginkan ini berlaku,” katanya.

Kepada soalan sama ada ‘Simposium Kepimpinan dan Hala Tuju Pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta’ yang dijadualkan berlangsung di Dewan Canselor UM, esok, diteruskan, Dr Mahathir berkata:

“Kita akan teruskan juga, mungkin kita cari tempat lain, melainkan kalau timbul banyak masalah hingga kita tidak dapat mengadakan simposium di situ. Tetapi, kita punyai niat supaya

kita dapat adakan simposium itu,” katanya.

Perdana Menteri dijadual menutup simposium itu, Ahad ini manakala perasmian dijangka dilakukan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, esok.

Mengenai saranan Puteri Umno supaya Naib Canselor UM berhenti berikutan beberapa kejadian di universiti itu, beliau berkata: “Itu tak tahulah, sama ada salah Naib Canselor ataupun tidak, kita tidak boleh dengan sewenang-wenang membuat tuduhan.”

Sementara itu, Timba-

lan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika mengulas perkara yang sama, menasihatkan semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi, sehingga siasatan mengenai perkara itu selesai.

“Polis dan beberapa jabatan berkaitan seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kimia membuat siasatan terperinci dan setelah semuanya diperoleh, barulah kita boleh buat satu kesimpulan,” katanya sambil menambah tempat alternatif bagi simposium itu sedang diusahakan.